



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Jangan Ghairah Cukai Rakyat](#)

Utusan Malaysia - Jangan Ghairah Cukai Rakyat

Rabu, Okt 10 2018



Jangan ghairah cukai rakyat

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Cukai keuntungan modal (CGT) seperti pulangan pelaburan saham dan cukai harta pusaka merupakan antara yang boleh diperkenalkan untuk memenuhi lagi poket kerajaan, selepas cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Namun dalam keghairahan memperkenalkan cukai baharu, penganalisis berpandangan kerajaan terlebih dahulu perlu juga menyedari pendapatan rakyat adalah terhad dan bukannya tinggi untuk membayar segala jenis cukai yang mahu diperkenalkan.

Timbalan Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Saizol Ismail berkata, kerajaan mungkin mempunyai hasrat tersendiri dari segi kutipan cukai, namun keinginan itu tidak semestinya dapat dipenuhi

dengan keadaan pendapatan rakyat yang rata-ratanya sederhana.

“Misalnya jika kerajaan terus menggali (memperkenalkan cukai), tetapi apa yang digali ini mempunyai hadnya (pendapatan), kita khuatir tekanan kembali kepada rakyat.

“Adalah lebih baik sekiranya kerajaan memperkasakan kaedah kutipan cukai yang sedia ada terlebih dahulu selain menanamkan keyakinan rakyat bahawa cukai yang dikutip memberi manfaat kepada negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan



SAIZOL ISMAIL

Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, tiba masanya kerajaan pula perlu berjimat-cermat bagi memastikan kutipan berbilion cukai setiap tahun menjadi cukup.

Katanya, penjiatan itu termasuk tidak menganjurkan majlis keraian besar-besaran atau mem-

beli aset yang akhirnya tersadai dan jarang digunakan.

“Jika mahu memperkenalkan juga cukai baharu, cukai sedia ada seperti cukai pendapatan, jalan dan sebagainya perlu dikurangkan. Jika tidak ia memberi tekanan kepada rakyat,” katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216